



INOVASI R&D TEKNOLOGI NUKLEAR MEMACU EKONOMI NEGARA

Bangi, 27 Ogos 2024 – Agensi Nuklear Malaysia terus komited dalam usaha mengarusperdanakan penggunaan teknologi nuklear ke arah mempertingkatkan daya saing industri, memperkukuh kesejahteraan rakyat dan memelihara sumber asli dan alam sekitar. Jaringan kerjasama strategik bersama-sama pemain industri dan pihak berkepentingan adalah penting agar penggunaan teknologi nuklear dapat dimanfaatkan sekaligus menyokong pertumbuhan sosio-ekonomi negara.

Selaras dengan ini, Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia) telah mengadakan Program Seminar R&D dan Hari Inovasi Nuklear Malaysia 2024 pada 27 hingga 29 Ogos 2024 bertempat di Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia), Bangi, Selangor. Dengan tema bagi edisi penganjuran 2024 iaitu ***“Teknologi Nuklear Memacu Industri Negara dan Mengiktiraf Kecemerlangan Inovasi Sains & Teknologi Nuklear”*** adalah bertepatan dengan matlamat Dasar Teknologi Nuklear Negara (DTNN) 2030 yang telah dilancarkan oleh YB Menteri MOSTI pada 20 September 2023 yang lalu.

Objektif utama program ini adalah bertujuan menyediakan platform bagi menemukan penyelidik, pencipta, profesional serta pihak industri untuk berkongsi pengetahuan mengenai produk dan hasil R&D, penemuan inovasi dan penyelesaian terkini melalui teknologi nuklear dalam pelbagai sektor. Ia juga mendorong kolaborasi kepakaran dan R&D tempatan merentasi pelbagai bidang serta aplikasi sains dan teknologi nuklear.

UNTUK SIARAN SEGERA

Di antara aktiviti utama pengisian program ini termasuklah sesi pembentangan sekitar 150 topik dan hasil penyelidikan oleh warga penyelidik Nuklear Malaysia.

Turut dianjurkan ialah pertandingan dan pameran Anugerah Inovasi Nuklear Kebangsaan 2024 yang melibatkan penyertaan 50 hasil inovasi penyelidikan para penyelidik Nuklear Malaysia, pelbagai institut penyelidikan, universiti awam & universiti swasta, serta program lawatan teknikal ke beberapa kemudahan dan fasiliti penyelidikan yang terdapat di Nuklear Malaysia.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Ts. Dr. Mohd. Nor Azman bin Hassan, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan Teknologi), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI). Turut sama dalam majlis perasmian tersebut adalah wakil-wakil daripada pelbagai Kementerian dan agensi Kerajaan serta institusi pengajian tinggi dan pemain industri.

Bersempena dengan program ini, Nuklear Malaysia turut menganjurkan satu sesi *town hall* bersama pemegang taruh mengenai Dasar Teknologi Nuklear Negara 2030. Sesi *town hall* telah dikendalikan oleh YBhg. Datuk Ts. Dr. Mohd. Nor Azman bin Hassan, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan Teknologi) MOSTI bersama YBrs. Dr. Rosli bin Darmawan, Ketua Pengarah Nuklear Malaysia. Sesi *town hall* ini bertujuan untuk memberi penerangan dan mendapatkan maklum balas daripada pihak industri, institusi pendidikan dan penyelidikan serta organisasi bukan kerajaan mengenai hala tuju pelan tindakan yang digariskan di bawah dasar ini. Sekitar 100 orang wakil daripada pelbagai Kementerian dan agensi Kerajaan, pihak industri, institusi pendidikan dan penyelidikan tempatan serta organisasi bukan kerajaan telah menghadiri sesi *town hall* ini.

– TAMAT –

Mengenai Agensi Nuklear Malaysia

Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia) adalah sebuah agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) yang berperanan sebagai agensi peneraju bagi mempromosi dan melaksanakan penyelidikan dan pembangunan (R&D) sains dan teknologi (S&T) nuklear di Malaysia. Aktiviti R&D yang dilaksanakan melibatkan beberapa bidang utama termasuklah industri, perubatan, makanan dan pertanian, air dan sumber asli, alam sekitar, tenaga, serta keselamatan, sekuriti dan kawal selia nuklear.

Hasil R&D yang berpotensi turut diketengahkan ke pasaran untuk memanfaatkan penemuan inovasi saintifik kepada rakyat dan ekonomi negara. Bersandarkan kepakaran dan pengalaman luas dalam bidang S&T nuklear, infrastruktur dan kemudahan penyelidikan yang lengkap, serta disiplin tenaga kerja yang profesional, Nuklear Malaysia sentiasa komited dalam menyediakan perkhidmatan yang berkualiti kepada pelbagai rakan kerjasama strategik, pelanggan, dan masyarakat keseluruhannya.

Untuk pertanyaan: Sila layari www.nuclearmalaysia.gov.my atau hubungi Nazlia Naim, Unit Komunikasi Korporat, Agensi Nuklear Malaysia di talian 012-7526676.